



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM MELALUI JKM SIAPSIAGA MENJAGA KEBAJIKAN MANGSA BANJIR DI PPS

KEMAMAN, 27 DISEMBER - YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini melakukan lawatan kerja ke tiga Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang dibuka di Kemaman untuk memantau keadaan dan pengurusan mangsa banjir yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di PPS tersebut.

Antara PPS yang sempat dilawati adalah di Dewan Sivik Air Putih yang menempatkan 178 mangsa banjir daripada 45 buah keluarga, PPS Dewan Orang Ramai Kampung Teladas Air Putih yang menempatkan 45 Keluarga dengan jumlah 170 mangsa banjir dan PPS Surau Paya Mempuyu yang menempatkan 18 Keluarga terdiri daripada 71 orang mangsa. YB Timbalan Menteri berkesempatan menyantuni mangsa banjir dan meninjau keperluan-keperluan yang disediakan di PPS.

Bagi kesiapsiagaan menjaga kebajikan mangsa banjir ini, KPWKM melalui JKM bertanggungjawab menyediakan dan menyelenggara Pusat Pemindahan Sementara (PPS), menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa, menjalankan pendaftaran mangsa bagi maksud pemulihan dan akhir sekali memberi bimbingan dan nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana.

Untuk rekod, sebanyak 8481 PPS telah dikenalpasti di seluruh negara yang mampu menampung sebanyak 2.15 juta mangsa pada satu-satu masa.

Sebanyak 5,063 atau 60 peratus PPS tersebut merupakan premis sekolah manakala baki tersebut adalah terdiri daripada Balairaya, masjid dan sebagainya.

Dari segi persediaan bekalan barangan keperluan asas, kesemua 8 buah Depoh, 137 stor negeri/daerah, 60 mini depoh kontena dan 580 pangkalan hadapan JKM telah siapsiaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan bencana banjir. Sebanyak 860 pembekal barangan keperluan asas dan 1224 pembekal makanan berbungkus telah dilantik oleh JKM pada musim ini bagi memastikan bantuan keperluan asas dan makanan mangsa bencana dapat dibekalkan segera jika diperlukan.

KPWKM juga bersedia menggerakkan seramai 5,167 pegawai dan kakitangan pada bila-bila masa dengan dibantu seramai 157 kaunselor dan 864 *Psychology Support Team* (PST). Selain itu, dalam menambahkan kelancaran pengoperasian di PPS, seramai 8,543 sukarelawan JKM juga bersedia memberikan bantuan.

KPWKM menyeru orang ramai terutamanya yang berada di kawasan yang sering dilanda banjir untuk sentiasa bersedia sedia dan mengikut arahan pihak berkuasa jika diarahkan berpindah bagi mengelakkan kejadian tidak diingini daripada berlaku.

Turut sama hadir ialah YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
27 DISEMBER 2023**